



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL & ANDI SUWIRTA

Pemikiran Ibn Khaldun sebagai Sejarawan Islam Agung dan Relevansinya dengan Historiografi Kontemporer

ABSTRAKSI: Makalah ini, dengan mengguna-pakai kaedah kualitatif dan pendekatan sejarah, mencuba membicarakan tentang pemikiran historiografi atau pensejarahan Ibn Khaldun. Idea pensejarahan beliau yang didasari dengan penekanan perlunya ahli sejarah bersifat analitikal dan kritis, baik terhadap kandungan penulisan sejarah mahupun sumber sejarah. Sejarah yang lari daripada unsur-unsur kritis dianggap sebagai pensejarahan deskriptif, kerana sejarah kritis mempunyai ciri-ciri mencari kebenaran dengan membahas sebab dan musabab sesuatu peristiwa itu berlaku. Sejarawan juga perlu mengutamakan penulisan yang tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak, supaya penulisan sejarahnya lebih jujur dan mengarah ke arah kebenaran. Menurut Ibn Khaldun (1993) lagi pemahaman ke atas sejarah itu penting agar masyarakat manusia boleh mengambil iktibar dan dapat menghindarkan daripada melakukan kesilapan. Beliau berpendapat bahawa ruang lingkup pengajian sejarah bukan hanya menumpukan kepada golongan berpengaruh dan peristiwa-peristiwa besar sahaja, tetapi juga perlu melibatkan golongan bawahan. Dengan demikian, aliran pemikiran pensejarahan Ibn Khaldun, yang lahir pada abad ke-14 Masihi, telah diguna-pakai dan diakui oleh para sejarawan kontemporari. Bagaimanapun, kertas ini hanya menumpukan perbincangan kepada pensejarahan analitikal dan kritis dengan melihat contoh pentafsiran ke atas kandungan munasabah penulisan sejarah dan sumber sejarah, samada dalam pensejarahan moden di Barat mahupun di alam Melayu.

KATA KUNCI: Historiografi; Ibn Khaldun; Sejarah Analitikal dan Kritis; Ruang Lingkup Sejarah; Sumber Sejarah.

ABSTRACT: "Ibn Khaldun's Thoughts as Great Islamic Historian and its Relevance with Contemporary Historiography". This paper, by adopting qualitative methods and historical approaches, tries to discuss about Ibn Khaldun's historiography. His idea of historiography based on the emphasis on the necessity of historians is analytical and critical, both against historical writing and historical sources. The history that escapes critical elements is considered a descriptive hierarchy, as critical history has the character of seeking truth by discussing the causes and affects of such events. The historian should also prioritize the writing of impartiality to any party, so that the writing of history is more honest and leads to the truth. According to Ibn Khaldun (1993), understanding of history is important, so that human beings can learn and avoid mistakes. He thinks that the scope of history studies not only focuses on influential groups and major events, but also involves subordinates. Thus, the flow of thought of Ibn Khaldun, born in the 14th century, has been adopted and recognized by contemporary historians. However, this paper focuses only on analytical and critical historiography by looking at an example of the interpretation of the reasonable content of historical writing and historical sources, whether in modern historiography in the West or in the Malay world.

KEY WORD: Historiography; Ibn Khaldun; Analytical and Critical History; History Scope; History Resources.

About the Authors: Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah Kanan di Pengajian Sejarah dan Antarabangsa FASS UBD (Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Andi Suwirta, M.Hum. adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Sejarah UPI (Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia. Alamat emel penulis: asbol.mail@ubd.edu.bn dan suciandi@upi.edu

Suggested Citation: Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Andi Suwirta. (2018). "Pemikiran Ibn Khaldun sebagai Sejarawan Islam Agung dan Relevansinya dengan Historiografi Kontemporer" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 3(1), February, pp.29-50. Bandung, Indonesia and BS Begawan, Brunei Darussalam: Minda Masagi Press owned by ASPENSI and BRIMAN Institute, ISSN 2443-1776.

Article Timeline: Accepted (January 5, 2018); Revised (February 2, 2018); and Published (February 28, 2018).

PENDAHULUAN

Proses perjalanan *pensejarahan* atau historiografi Islam memang melalui berbagai-bagai tahap dan perubahan yang berlanjutan hingga mencapai ke satu tahap yang gemilang pada abad ke-14 Masihi dan awal abad ke-15 Masihi. Peristiwa bersejarah yang penting dan pahit bagi umat Islam apabila kerajaan Islam Sepanyol telah mengalami ancaman daripada kuasa Kristian. Ancaman itu sebenarnya boleh dihadapi oleh kuasa Islam jika mereka bersatu, namun perkara ini tidak berlaku apabila dalam kerajaan Islam Andalusia di Sepanyol sendiri berlaku perpecahan. Maka pada abad ke-15 Masihi, tentera Kristian telah berjaya menumbangkan kerajaan Islam di Sepanyol (Hitti, 1985; Watt, 1990; Besar, 2008; dan Usman, 2011).

Dalam suasana yang kalut itu, maka muncullah kesedaran dalam kalangan cendekiawan Islam, khususnya di Afrika Utara, bagi membangun semula *tamadun* atau peradaban dan semangat jihad umat Islam. Salah satu caranya adalah dengan melihat histotografi dalam kaca mata yang lebih luas menerusi pengalaman dan pengamatan perubahan yang berlaku ke atas masyarakat. Cendekiawan yang mempelopori pemikiran demikian ialah Ibn Khaldun, atau nama penuhnya Abu Zaid Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Khaldun al-Hadrami, seorang ilmuan yang lahir pada 1332 Masihi, termasyhur bukan sahaja dalam bidang ilmu sejarah dan pengasas ilmu sosiologi, tetapi juga dalam bidang ilmu ugama dan politik (*cf* Wafi, 1985; Ibrahim & Yahya, 1988:177; Khaldun, 1993; dan Simon, 2002).

Ibn Khaldun yang meninggal dunia pada 1406 Masihi di Kaherah, Mesir,

berasal dari Hadramaut, sebuah daerah yang terletak di selatan Semenanjung Arab. Dari sana, keluarga beliau berhijrah ke Seville di Sepanyol; dan seterusnya ke Tunis, tempat kelahirannya. Dalam menuntut pelbagai bidang ilmu, Ibn Khaldun telah berguru dengan beberapa orang ulama tersohor di peringkat tempatan dan luar. Berkebetulan pula masa itu, daerah kelahiran beliau telah menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan yang penting di utara Afrika. Senario ini memudahkan lagi untuk beliau menerokai berbagai-bagai ilmu seluas-luasnya, sehingga menjadi seorang intelektual terbilang (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; dan Simon, 2002).

Lantaran itu, beliau diangkat menjadi tenaga pengajar dan menyandang jawatan-jawatan penting di Tunis, Algeria, Maghribi, dan Mesir. Antara jawatan yang pernah disandang ialah jawatan *Hajib* di Bougie, satu jawatan setaraf Perdana Menteri. Di Mesir pula, beliau pernah memegang jawatan Hakim Mahkamah Raja (Wafi, 1985; Ibrahim & Yahya, 1988:177; Khaldun, 1993; dan Simon, 2002).

Pengalaman Ibn Khaldun menuntut ilmu dalam pelbagai disiplin ilmu, seperti ilmu-ilmu tradisional dan semasa, khususnya bidang politik, telah mempengaruhi dan mendorong beliau menghasilkan tulisan ilmiah. Hasil asimilasi antara ilmu yang dimiliki dengan pengalaman hidup yang diharungi, beliau begitu peka dengan perkembangan sejarah, khususnya sejarah umat Islam. Semasa hidupnya, beliau telah menyaksikan bagaimana kuasa Barat telah mengancam kuasa politik masyarakat Islam. Beliau telah melihat fenomena tersebut boleh menggugat kemajuan dan perkembangan

peradaban Islam (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; dan Simon, 2002).

Senario inilah yang membangkitkan semangat beliau untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat Islam tentang maksud sebenar *tamadun* atau peradaban yang sentiasa berubah dalam rakaman sejarah umat manusia. Menurut Ibn Khaldun, manusia adalah makhluk yang mempunyai roh, akal, dan jasad. Masing-masing mempunyai fungsi dan keperluan. Kesemua unsur-unsur tersebut seharusnya bekerjasama untuk mendapat kepuasan dan kebahagiaan hidup. Melalui kerjasama yang padu antara roh, akal, dan jasad, ia boleh mencetuskan *tamadun* yang boleh melahirkan kajian sejarah (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; dan Simon, 2002).

Ibn Khaldun sudah menyedari bahawa memahami sejarah itu penting kerana, bagi beliau, sejarah adalah suatu catatan atau maklumat tentang organisasi sosial manusia dan *tamadun* dunia (*umran al-'alam*); mengenai pembahasan yang berlaku terhadap sifat-sifat manusia, seperti keganasan dan keramah-tamahan, perasaan menyenangi golongan sendiri (*asabiyah*); serta mengenai revolusi sesuatu golongan manusia ke atas manusia lain. Akibatnya, terbentuklah sebuah kerajaan dan negara berserta dengan rakyat jelata; mengenai kegiatan dan pekerjaan manusia; tentang pelbagai aspek ilmu pengetahuan dan pertukangan; serta pada umumnya mengenai semua perubahan bentuk yang dialami oleh masyarakat menurut sifat-sifatnya (Wafi, 1985; Ibrahim & Yahya, 1988:179; Khaldun, 1993:xxi; dan Simon, 2002).

Karya Ibn Khaldun (1993) yang terkenal ialah *Muqaddimah*. Menurut Bernard Lewis *et al.* (1971), tulisan tersebut merupakan ensiklopedia sintesis

mengenai metodologi sains kebudayaan yang sangat penting; dan ia boleh membantu para sejarawan menghasilkan kajian-kajian yang benar-benar ilmiah (Lewis *et al.*, 1971; dan Ibrahim & Yahya, 1988:179). Karya tersebut juga telah dianggap sebagai sumbangan gemilang dalam bidang *pensejarahan* atau historiografi, apabila prinsip-prinsip kajian beliau berusaha meletakkan kaedah ilmiah dan kritikan ke atas aspek periwayatan sejarah. Malah ia dikatakan sebagai percubaan yang paling awal, yang pernah dilakukan oleh Ibn Khaldun sebagai seorang ahli sejarah bagi memahami corak perubahan yang berlaku dalam organisasi politik dan sosial manusia. Dalam karya itu dijelaskan bagaimana peristiwa-peristiwa sejarah harus dikaji dan difahami (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; Simon, 2002; dan Rosen, 2006).

Muqaddimah ialah hasil tulisan Ibn Khaldun, semasa memencilkan diri di sebuah daerah luar bandar, yang bernama Qal'at Ibn Salma di Algeria. Dalam karya tersebut mengandungi enam bab. Bab pertama membicarakan tentang masyarakat manusia secara umum. Bab kedua berkenaan dengan masyarakat Badwi atau masyarakat primitif; manakala bab ketiga menghuraikan tentang pemerintahan raja-raja dan khalifah. Perbincangan mengenai masyarakat bandar atau kelompok masyarakat maju ditulis dalam bab keempat; dan bab kelima pula perbincangan mengenai kerjaya dan kehidupan manusia seharian yang turut dihubungkan dengan aspek ekonomi. Bab keenam dan terakhir menghuraikan berkenaan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Setiap bab yang dibicarakan didahului dengan pengenalan dan di ikuti dengan tajuk-

tajuk kecil, atau juga dikatakan sebagai *fasal* (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; Noor, 2002:192; Simon, 2002; Rosen, 2006; dan Abidin, 2009:172).

Artikel ini, dengan mengguna-pakai kaedah kualitatif dan pendekatan sejarah (Kartodirdjo, 1992; Denzin & Lincoln, 1994; Ibrahim, 1997; Creswell, 1998; dan Sjamsuddin, 2007), mahukan mengkaji ketokohan Ibn Khaldun sebagai sejarawan awal yang terbilang dalam kalangan umat Islam. Perbincangan mengenai pemikiran *pensejarahan* atau historiografi dari Ibn Khaldun mahukan ditumpukan kepada dua perkara, iaitu: (1) Pemikiran Analitikal dan Kritis Kandungan Pensejarahan; serta (2) Pemikiran Analitikal dan Kritis Sumber Pensejarahan. Kedua perkara tersebut juga dihubungkan dengan konteks *pensejarahan* moden, sama ada di Barat mahupun di alam Melayu, termasuklah kes sumber sejarah di Brunei Darussalam.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemikiran Analitikal dan Kritis Kandungan Pensejarahan. Menurut Ibn Khaldun (1993), dalam bidang *pensejarahan* atau historiografi terdapat dua aspek yang berbeza, iaitu bersifat luaran atau zahir; dan bersifat dalaman atau batin (Khaldun, 1993). Sejarah luaran ialah *pensejarahan* yang bersifat deskriptif, iaitu sekadar mempunyai fakta dan informasi umum, terutama berkaitan dengan perkembangan politik yang berlaku. Matlamat sejarah luaran, bagi Ibn Khaldun, adalah untuk menghiburkan dan memberikan kefahaman tentang masalah-masalah umat manusia kepada pengkaji dan pembaca (Khaldun, 1993:lxvii).

Ahli-ahli sejarah Islam sebelum Ibn Khaldun tidak mengetahui banyak

tentang ilmu sosiologi. Mereka hanya menulis berdasarkan sumber-sumber yang disalurkan kepada mereka tanpa mengkaji tentang asal-usul, sifat-sifat semula jadi masyarakat manusia, atau sebab-sebab peristiwa itu berlaku (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; dan Kasdi, 2014). Ibn Khaldun justru beranggapan bahawa sejarah seperti itu hanya sejarah luaran. *Pensejarahan* seperti itu pula memang biasa dilakukan oleh ahli sejarah sebelum beliau, termasuklah Al-Mas'udi (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; Kasdi, 2014; dan Al-Mas'udi, t.th.).

Dalam pandangan *pensejarahan* moden, sejarah seumpamanya adalah satu penulisan sejarah yang kurang ilmiah dan hanya bersifat laporan. Dalam konteks ini, ternyata Ibn Khaldun sudah mengenali bentuk-bentuk *pensejarahan* yang bersifat laporan dan tidak ilmiah lebih awal. Ini membayangkan pemikiran *pensejarahan* beliau boleh dikatakan jauh ke depan pada ketika itu (Wafi, 1985; Ibrahim & Yahya, 1988; Noor, 2002; Abidin, 2009; dan Kasdi, 2014).

Sementara itu sejarah dalaman, bagi Ibn Khaldun, ialah *pensejarahan* yang bercirikan analitikal atau kritis. Ia cuba mencari kebenaran, menerangkan sebab-sebab, dan punca sesuatu peristiwa bersejarah itu berlaku (Khaldun, 1993). Daripada pandangan tersebut, jelas beliau telah pun mempunyai tiga aspek pemikiran *pensejarahan*. Pertamanya, *pensejarahan* bersifat analitik dan kritis; keduanya, mencari kebenaran dalam *pensejarahan*; dan ketiganya, menganalisis sebab-musabab sesuatu peristiwa bersejarah itu berlaku (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; dan Kasdi, 2014).

Selain itu, pemikiran *pensejarahan* Ibn Khaldun juga mengatakan bahawa

para sejarawan tidak boleh bersikap berat sebelah atau bias, kerana beliau telah mendapati ada ahli sejarah yang membuat tafsiran mengikut selera mereka. Ada juga yang membuat tafsiran dengan memihak kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Hal itu berlaku kerana adanya semangat kepartian dan boleh menutup kepada pertimbangan yang waras. Mereka hanya menerima perkara yang baik bagi golongannya. Akhirnya, muncullah paparan *pensejarahan* yang tidak tepat dan jauh daripada kejujuran dalam penulisan mereka (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; Noor, 2002:191; dan Kasdi, 2014).

Oleh itu, Ibn Khaldun menyarankan agar setiap sejarawan bersikap jujur pada diri sendiri, dengan mengungkapkan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku dengan meneliti sebaik-baiknya setiap fakta yang diterimanya. Hal itu penting kerana sekiranya sejarah dihasilkan tanpa menghalu ke arah kebenaran, maka sejarah yang ditulis kurang bermutu (Wafi, 1985; Khaldun, 1993:lxxii; dan Kasdi, 2014).

Bagaimanapun, pandangan beliau itu boleh dikatakan satu pandangan yang ideal. Pada dasarnya, ia memang satu pandangan yang baik, namun pada realitinya banyak halangan dan cabaran untuk dinyatakan. Sejarawan ialah manusia, cara ia bertindak dan berfikir banyak dipengaruhi oleh perwatakan peribadi, keluarga, rakan-rakan, semangat jati diri, dan hubungannya dengan pihak berkuasa (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; dan Kasdi, 2014).

Dalam hal ini, boleh dilihat pada tulisan-tulisan sejarah sarjana Barat tentang masyarakat Islam. Sorotan mereka, walaupun tidak keseluruhan, sebahagiannya bersikap berat sebelah

dan tidak seimbang. Dalam tulisan mereka tentang sejarah Rasulullah Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*), umpamanya, dikatakan bahawa Rasulullah beristeri ramai, kerana hawa nafsu; dan Islam yang disebarkan oleh Nabi Muhammad SAW menggunakan mata pedang, atau dengan kata lain, menggunakan kekerasan (Hitti, 1985; Watt, 1990; dan Sya'wat, 2007). Begitu juga zaman moden ini dikatakan pejuang Islam menentang orang Barat akan tohmah sebagai pengganas dan mengancam keamanan sejagat. Sedangkan mereka yang menyerang negara-negara Islam diwar-warkan sebagai mempertahankan diri dan menegakkan undang-undang antarabangsa (Zallum, 2002; dan Aziz, 2005).

Apa yang nyata, senario hari ini, umat Islam lebih banyak dizalimi, diperangi, dan dinafikan hak mereka berbanding dengan umat-umat lain. Ini bererti, umat Islam bukan pengganas, tetapi sebaliknya, mereka adalah mangsa keganasan. Oleh itu, mereka berhak untuk mempertahankan diri (Aziz, 2005). Begitu juga kajian mereka terhadap sejarah alam Melayu; di zaman tradisi, orang-orang Melayu daripada golongan atas ke golongan bawahan adalah lanun. Pada hal, perwatakan lanun orang Barat lebih hebat, bukan saja menguasai sebuah atau lebih kapal dagang, tetapi mengambil sebuah negara (Mohammad, 2005; Sya'wat, 2007; dan Ahmad, 2017).

Ibn Khaldun (1993), dalam pemikiran *pensejarahan*-nya, juga bependapat bahawa memahami sejarah adalah penting kerana melalui ilmu sejarah, manusia akan dapat mencari kebenaran dan belajar daripada kesilapan masa lalu (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; Noor, 2002:191; dan

Kasdi, 2014). Dalam mencapai kejituan penulisan sejarah, menurut Ibn Khaldun lagi, seorang sejarawan tidak semestinya hanya bergantung kepada sumber sejarah semata-mata, tetapi perlu menggunakan pendekatan ilmu-ilmu kemasyarakatan yang lain. Dengan kata lain, interdisiplin tidak dapat dielakkan dalam *pensejarahan* yang bercorak sejarah dalaman (*cf* Wafi, 1985; Kartodirdjo, 1992; Khaldun, 1993; Noor, 2002:191; dan Sjamsuddin, 2007).

Ibn Khaldun (1993) juga berpendapat bahawa ilmu sejarah tidak hanya terbatas pada memperkatakan tentang cerita pembukaan negeri, peperangan, raja-raja, dan negara di masa silam, tetapi juga mencakupi segala bentuk perubahan dan peredaran dalam kehidupan manusia. Dalam hal ini, jelas beliau mahukan kajian sejarah tidak hanya tertumpu kepada golongan atasan, tetapi juga kajian dilakukan terhadap golongan bawahan yang terdiri daripada rakyat jelata (Wafi, 1985; Kartodirdjo, 1990; Khaldun, 1993; Rosen, 2006; dan Kasdi, 2014).

Pandangan tersebut bertentangan dengan pendapat F.J. Teggart (1960), seorang sejarawan Barat, yang berpendapat bahawa sesuatu peristiwa itu hanya dikatakan “bersejarah” jika ia mampu mendatangkan perubahan kepada nasib masyarakat manusia (Teggart, 1960; Suntharalingam, 1985:9; dan Denmark, 2005). Pada kebiasaannya, dalam masyarakat manusia, golongan yang berpengaruh dalam mengubah nasib ialah kelompok atasan, atau sekurang-kurangnya golongan berada. Sedang Ibn Khaldun (1993) mengatakan bahawa golongan bawahan yang tidak berperanan untuk menentukan nasib masyarakatnya juga mempunyai sejarah tersendiri (Suntharalingam, 1987; dan Khaldun,

1993). Sungguhpun terdapat beberapa pemikiran *pensejarahan* yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (1993), tetapi dalam makalah ini hanya memfokuskan pembicaraan dalam aspek pemikiran pensejarahan analitikal dan kritis.

Penulisan sejarah analitikal dan kritis, seperti yang disarankan oleh Ibn Khaldun (1993), ternyata telah pun mendapat penekanan dalam *pensejarahan* kontemporari. Bagi sesetengah pengkaji sejarah, ia juga dianggap sebagai pentafsiran sejarah. Sungguhpun para sejarawan boleh dianggap mempunyai kebebasan untuk mentafsir atau menganalisis secara kritis menurut pandangan masing-masing. Lantas akan wujud tafsiran yang berbeza daripada seorang sejarawan dengan sejarawan yang lain. Bagaimanapun, tafsiran itu bukan boleh dibuat sesuka hati, ia mestilah mempunyai hujah berdasar fakta dan adanya kemunasabahan; jika tidak, maka tafsiran yang demikian akan boleh dipersoalkan kebenarannya (*cf* Wafi, 1985; Ibrahim, 1997:200-201; Simon, 2002; Rosen, 2006; dan Kasdi, 2014).

Seperti mana yang telah dilakukan oleh Ibn Khaldun (1993), apabila mempersoalkan kemunasabahan tulisan Al-Mas’udi (t.th.) mengenai Nabi Musa AS (*Alaihi Salam*), yang menghitung tenteranya daripada kalangan bani Israel di Padang Pasir Tiuh, satu kawasan yang terletak di perbatasan antara Mesir dan Palestin. Jumlah tentera Nabi Musa AS pada masa itu dikatakan seramai 600,000 orang. Bagaimanapun, angka yang dicatatkan itu dipertikaikan oleh Ibn Khaldun (1993), kerana ia tidak logik dengan keadaan keluasan kawasan dan keramaian penduduk negeri Nabi Musa AS (Al-Mas’udi, t.th.; dan Khaldun, 1993).

Perkara ini tidak boleh diterima kerana, menurut Ibn Khaldun (1993), apabila dibandingkan dengan jumlah tentera Parsi yang pernah mengalahkan tentera Israel, jumlahnya tidak pun sampai 600,000 orang, ia cuma memiliki sekitar 120,000 orang tentera. Apabila dimasukkan pembantu yang terdiri daripada tukang masak, jumlah itu pun baru mencapai 200,000 orang kesemuanya. Jadi, bagaimana mungkin Nabi Musa AS mempunyai seramai tentera yang demikian, sedangkan kawasan Parsi lebih luas berbanding dengan negeri Nabi Musa AS. Wilayah Parsi pada masa itu meliputi kawasan Iraq, Khurasan, Transoxania, dan kawasan Derbend di Laut Kaspian. Ini bererti ia mempunyai penduduk yang lagi ramai (Shboul, 1979; dan Khaldun, 1993).

Ibn Khaldun (1993) bukan sahaja mentafsir sejarah dilihat dari segi logik akal, tetapi adakalanya beliau menggunakan kerasionalan saintifik. Hal ini boleh dilihat apabila beliau mempersoalkan semula riwayat Al-Mas'udi (t.th.) mengenai pengalaman "Alexander the Great" turun ke dasar laut dengan menggunakan peti kayu, yang mengandungi peti kaca di dalamnya bagi melihat raksasa-raksasa yang cuba menghalang beliau daripada mendirikan kota Iskandariyyah. Bagi Ibn Khaldun (1993), raja telah mendedahkan dirinya pada kerja-kerja bahaya yang boleh mengancam nyawanya, kerana tidak mungkin manusia boleh hidup lama dalam laut, memandangkan ia akan menempa maut, ekoran juga kekurangan udara untuk bernafas (Al-Mas'udi, t.th.; Shboul, 1979; Khaldun, 1993; dan Abidin, 2009).

Dalam hubungan *pensejarahan*

analitikal dan kritis yang menuju ke arah munasabahan, sebagaimana yang dilontarkan oleh Ibn Khaldun (1993), ia juga boleh dilihat dalam konteks sejarah negara Brunei Darussalam. Sebagai contoh, peristiwa Perang Kastila yang tercetus pada 1578, antara tentera Brunei dengan Sepanyol yang datang dari Manila, Filipina. Dalam peperangan itu, Brunei telah tewas dan bandar Brunei telah dapat ditawan. Akan tetapi, pendudukan Sepanyol itu tidak lama, cuma dalam masa 72 hari, apabila mereka terpaksa berundur dan meninggalkan Brunei kerana ramai tenteranya diserang penyakit (Said, 1994; dan McAmis, 2002).

Robert Nicholl (2002), seorang orientalis Barat, mengatakan bahawa tentera Sepanyol berundur dari Brunei kerana serangan penyakit kolera. Memang dalam rekod Sepanyol tenteranya mengalami penyakit cirit-birit (Nicholl, 2002). Bagaimanapun, tafsiran itu boleh dipersoalkan kebenarannya, kerana kolera hanya baru wujud di India pada abad ke-19. Jadi, mana mungkin tentera Sepanyol diserang penyakit kolera pada abad ke-16 (Said, 1994). Apa yang sebenarnya berlaku ialah Sepanyol terpaksa meninggalkan Brunei, kerana telah diracun oleh pejuang-pejuang negeri Brunei yang ingin mengeluarkan mereka dari ibu kota Brunei pada ketika itu. Racun itu telah dibubuh dalam sumber minuman tentera Sepanyol, sama ada pada perigi-perigi atau saluran-saluran air (Said, 1994:130-137). Maklumat dari Sepanyol juga pernah merekodkan apabila pemimpin mereka menasihati anggota tentera supaya berhati-hati semasa meminum air di Brunei. Mereka juga dikatakan mencari herba untuk mengubati penyakit yang disebabkan oleh keracunan (Said, 1994).

Pandangan yang kritis, seperti yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (1993), juga boleh dilihat dalam kes sejarah negara jiran, Semenanjung Tanah Melayu, pada 1874, yang merupakan tarikh bermulanya pertukaran dasar British daripada tidak campur tangan kepada campur tangan di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu. Menurut sebahagian penulis sejarah Barat, ada dua faktor yang menyebabkan berlakunya pertukaran dasar itu (*cf* Andaya & Andaya, 1982; Suntharalingam, 1987; dan McAmis, 2002).

Pertama, disebabkan oleh laporan yang mengatakan berlaku huru-hara yang dahsyat di negeri-negeri Melayu pada ketika itu, bahkan dikatakan berlaku di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Maklumat ini tidak benar, kerana kekacauan hanya berlaku di Perak pada awalnya. Akibat kemelut itu menyebabkan kegiatan perdagangan peniaga Inggeris dan orang-orang China, yang diam di negeri-negeri Selat, terjejas dan terganggu. Malah, peniaga-peniaga tersebut pernah menghantar surat kepada pihak kuasa British di London supaya mengambil alih kuasa pemerintahan negeri-negeri Melayu. Seorang ketua masyarakat China di Larut pernah menyuarakan bahawa “*apabila bendera British berkibar di Perak, maka setiap orang China akan melutut dan bersyukur kepada Tuhan*” (dipetik dalam Ibrahim, 1997:201).

Kedua, sebagaimana dikatakan oleh Frank Athelstane Swettenham (1967), seorang pegawai British di Tanah Melayu, bahawa implikasi daripada kacau-bilau itu, orang Inggeris merasa kasihan dan bersimpati dengan huru-hara yang telah melanda Tanah Melayu. Dengan demikian, mereka harus melakukan sesuatu untuk membantu memulihkan

keadaan dan mencapai keamanan (Swettenham, 1967; Andaya & Andaya, 1982; dan Ibrahim, 1997).

Akan tetapi, tafsiran di atas jika diteliti secara kritis tidaklah semuanya boleh diterima, bahkan ia masih boleh dipersoalkan kerana segala kejadian huru-hara tersebut hanya difokus dan dipersalahkan kepada apa yang berlaku di Tanah Melayu, tidak dilihat juga apa yang berlaku di negeri asal British dan Eropah keseluruhannya pada ketika itu. Jika dilihat pergolakan politik dan ekonomi yang berlaku di England, ternyata ia juga serba sedikit menyumbang kepada perubahan dasar British di Tanah Melayu daripada tidak campur tangan kepada campur tangan (Andaya & Andaya, 1982; dan Suntharalingam, 1987).

Menurut Rupert Emerson (1974), campur tangan British ke atas Tanah Melayu hingga berakhir kepada penguasaan dan penaklukannya bukan saja disebabkan faktor kacau-bilau, tetapi ia adalah sebahagian daripada kemaraan semangat imperialisme yang baru. Bahang serangan imperialisme telah menjalar ke Afrika, India, China, dan seterusnya ke Asia Tenggara, termasuk ke negeri-negeri Melayu. British bersaing dan berlumba-lumba dengan kuasa Eropah lain dalam merealisasikan dasar imperialisme. Di England telah berlaku Revolusi Perindustrian, kira-kira pada 1760 lagi. Dengan perkembangan pesat revolusi tersebut, maka keperluan bahan mentah untuk memenuhi keperluan kilang-kilang dan pasaran barangan semakin meningkat (Emerson, 1974; Andaya & Andaya, 1982; dan Suntharalingam, 1987).

Bagi memastikan kemasukan bahan mentah berkesinambungan, maka dasar imperialisme perlu diwujudkan oleh pihak

kerajaan. Oleh itu, niat British untuk campur tangan di Tanah Melayu bukanlah kerana simpati dengan kekacauan yang berlaku, tetapi bagi mendapatkan kawasan yang boleh menghasilkan berbagai-bagai bahan mentah yang akan digunakan untuk memenuhi permintaan revolusi industri. Setelah itu, negeri-negeri yang dikuasai pula akan menjadi tempat pemasaran keluaran kilang-kilang mereka, yang dijual dengan harga yang tidak berpatutan (Andaya & Andaya, 1982; dan Ibrahim, 1997:201-202).

Balik semula kepada berdasarkan kritikan Ibn Khaldun (1993) ke atas keramaian tentera Nabi Musa AS yang jumlahnya terlalu banyak dan tidak boleh diterima pada pemikiran biasa di atas, jelas beliau seolah-olah melihat bahawa fakta sejarah tidak hanya menceritakan peristiwa sejarah secara tersurat atau nyata, tetapi ada perkara-perkara yang tersirat yang memerlukan ketajaman pemikiran ahli sejarah untuk memikirkan secara kritis, mentafsir apa yang sebenarnya yang berlaku secara tersurat (Khaldun, 1993; dan Mail, 2011).

Dalam hubungan ini, ia juga boleh dilihat dalam rentetan sejarah negara Brunei Darussalam, iaitu dalam sejarah penubuhan Sekolah Melayu. Apabila pihak pentadbiran Residen British mengadakan Sekolah Melayu pada 1914 di negara Brunei Darussalam, ia bertujuan bagi membolehkan anak-anak Brunei pandai membaca dan menulis dalam tulisan Rumi. Dengan itu, mereka boleh diambil berkhidmat dengan kerajaan sebagai pegawai rendah. Mereka juga nanti boleh mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka, sama ada sebagai petani atau nelayan. Jelasnya, mereka kemudiannya akan menjadi nelayan dan petani yang

celik huruf (Mail, 2006:22).

Daripada peristiwa tersebut, fakta cara tersurat memang Sekolah Melayu telah ditubuhkan pada 1914. Ia telah diwujudkan oleh pentadbiran Residen British. Akan tetapi, apabila dikaji secara mendalam, apa yang tersirat daripada peristiwa itu terdapat agenda-agenda tersembunyi, atau ada udang di balik batu, ada orang di balik pintu. Pada lahirnya, atau yang tersurat, langkah British menubuhkan Sekolah Melayu tidak boleh dinafikan sesuatu pembaruan yang baik, kerana dengan sekolah tersebut boleh melahirkan masyarakat Brunei yang pandai membaca dan menulis dalam tulisan Rumi. Lagipun, kewujudan sistem persekolahan secara formal di tengah-tengah masyarakat Brunei merupakan satu perkara yang baru dan baik (Mail, 2006 dan 2011; dan Bakar, 2013).

Sistem pendidikan yang baru diperkenalkan itu telah dibuat dengan lebih bersistem dan teratur berbanding dengan sistem pendidikan Islam masyarakat Brunei sebelumnya yang hanya dilakukan di rumah, di masjid, dan di balai dalam bentuk tidak formal dan kurang teratur. Ia dilakukan secara sukarela dan jangkauan penyebaran pendidikan tersebut begitu terhad dalam lingkungan masyarakat Brunei, ia pula hanya terbatas kepada kaum lelaki dan terdapat sejempit kaum wanita (Mail, 2006:29-33).

Namun, di sebalik kebaikan sistem pendidikan moden tersebut, kalau diamati dengan teliti lagi, British juga mempunyai agenda tersendiri. Sungguhpun Residen British mahu anak-anak Brunei menduduki bangku sekolah, namun dalam manis ada racun berbisa, apabila berlakunya teknik penyekatan ke atas

pendidikan anak-anak Brunei daripada terus melanjutkan pelajaran mereka hingga ke IPT (Institusi Pengajian Tinggi), khususnya bagi Sekolah Melayu. Hal ini juga pernah diungkit dalam Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, pada tahun 1959 (Baki & Chang, 1959; dan Mail, 2006).

Dasar penyekatan ini jelas kerana sehingga 1965, taraf pendidikan Sekolah Melayu hanyalah berada di peringkat sekolah rendah. Ia tidak mempunyai pendidikan menengah yang khusus bagi membolehkan pelajarinya menjejak kaki ke peringkat pengajian tinggi. Akibat ketiadaan pendidikan menengah itu, maka pendidikan anak-anak Brunei tersangkut di peringkat sekolah rendah dan peluang mereka untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan mendapatkan kepakaran di pelbagai bidang terhalang. Oleh itu, secara tersirat, British dalam memperkenalkan persekolahan moden dan dalam waktu yang sama mewujudkan dasar penyekatan ke atas hak anak-anak Brunei untuk menimba ilmu setinggi-tingginya (Mail, 2006 dan 2011; dan Bakar, 2013).

British sebenarnya belajar daripada sejarah dan ia telahpun memanfaatkan sejarah apabila ia tidak mengizinkan anak-anak Brunei untuk meneruskan pendidikan mereka hingga ke tahap universiti. Ia mengambil iktibar sejarah daripada apa yang berlaku di India, apabila golongan intelektual lulusan universiti telah memelopori dan memainkan peranan penting dalam gerakan nasionalisme dan menuntut kemerdekaan India daripada penjajah British. Maka, melihat sejarah perjuangan di India tersebut, British telah menyedari jika anak-anak Brunei diberikan pendidikan yang setinggi-

tingginya, sejarah penentangan yang berlaku di India dijangka akan berlaku dan berulang di Brunei (al-Sufri, 1992; Mail, 2006:22; dan Rahman, 2016).

Pensejarahan atau historiografi yang bersifat analitikal dan kritis, seperti dalam pemikiran Ibn Khaldun (1993), juga boleh dilihat dalam tulisan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil al-Sufri, apabila beliau membicarakan tentang pembentukan Perlembagaan Baru Negeri Brunei pada 1953 dalam buku yang bertajuk *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* (1992). Semasa proses pembentukan perlembagaan tersebut, satu klausa penting ialah bahawa kuasa British dalam pentadbiran dalaman Brunei akan masih dikekalkan. Bagaimanapun, KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Sultan Haji Omar Ali Saifuddien bertegas supaya seorang Menteri Besar dilantik bagi menggantikan jawatan Residen British (al-Sufri, 1992).

Tuntutan itu memang dibuat awal-awal lagi oleh Jawatankuasa Perlembagaan Tempatan, seperti yang terdapat dalam laporannya pada 1953. Tuntutan itu memang mendapat titah perkenan, tetapi pihak British menasihatkan Baginda supaya hal tersebut tidak perlu ditegaskan. Sungguhpun begitu, menurut pandangan Yang Berhormat Pehin, KDYMM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien tetap dengan pendiriannya, iaitu mahukan seorang Menteri Besar dilantik dalam masa enam bulan selepas Perlembagaan Baru Negeri Brunei diistiharkan (al-Sufri, 1989 dan 1992).

Perlantikan tersebut penting sebagai lambang perjuangan anak tempatan dan sebagai langkah utama terhadap

kemerdekaan atau berkerajaan sendiri. Menurut Yang Berhormat Pehin lagi, pihak British memang tidak berminat untuk melaksanakan kehendak Baginda, dengan alasan tidak ada seorang pun daripada anak tempatan yang berkelayakan untuk memegang jawatan Menteri Besar, yang boleh memuaskan dan menjalankan tugas-tugas dengan licin dan bertanggung jawab (al-Sufri, 1992:71).

Dalam hal demikian, ternyata Yang Berhormat Pehin secara tidak langsung telah mentafsirkan bahawa sebenarnya British ingin mengekalkan kuasanya, sungguhpun sudah ada perlembagaan baru. Sementara itu, KDYMM Sultan Haji Omar Ali Saifuddin berkeras mahu melantik Menteri Besar, kerana ingin mengembalikan kuasa Sultan dan rakyat Brunei, sekurang-kurangnya pada peringkat permulaan untuk memegang kuasa dalam negeri sebelum mencapai kemerdekaan penuh (al-Sufri, 1989 dan 1992).

Begitu juga dalam mentafsir tindakan PRB (Parti Rakyat Brunei) menghantar wakil ke UK (*United Kingdom*) untuk menghadapkan memorandum kemerdekaan pada 1957, Yang Berhormat Pehin secara kritis mengatakan bahawa mungkin tujuan mereka ke UK adalah semata-mata untuk mengambil kesempatan bagi menonjolkan diri, kononnya mereka sahajalah satu-satunya wakil pejuang harapan rakyat seperti yang mereka sebutkan, iaitu mengambil kesempatan untuk menyuarakan bantahan PRB terhadap perlembagaan yang dicadangkan ke *Colonial Office* (al-Sufri, 1992). Menurut Yang Berhormat Pehin lagi, seperti berikut:

[...] mereka itu sebenarnya tidak lebih daripada jajaan kepada sekelompok rakyat yang dibutakan mata hatinya dengan slogan

kemerdekaan dan janji-janji mempersonakan yang ditaburkan menerusi kata-kata lemak manis. Semata-mata bagi menegakkan nafsu politik kepentingan diri sendiri dengan menghasut dan mengajak rakyat membenci kerajaan (al-Sufri, 1992:74).

Daripada pandangan tersebut, jelas *pensejarahan* atau historiografi daripada Yang Berhormat Pehin memang mengandungi unsur-unsur analitikal dan kritis, sebagaimana yang pernah dikemukakan oleh Ibn Khaldun (al-Sufri, 1992; dan Khaldun, 1993).

Pemikiran *pensejarahan* analitikal dan kritis Ibn Khaldun, dari segi kemunasabahan, juga boleh dilihat dalam *pensejarahan* Barat. Antaranya dalam isu kontroversi penjelajahan Marco Polo (1993) ke Asia, khususnya ke China. Arnold J. Toynbee (2017), seorang sejarawan Barat, menyatakan bahawa Marco Polo, seorang ahli pelayar berbangsa Itali, pernah tiba ke Asia, terutama ke China sekitar 1271-1295 Masihi, melalui Laut Hitam dan Istanbul. Arnold Toynbee juga turut mengatakan bahawa Marco Polo telah singgah di istana Kublai Khan, sebaik-baik sahaja tiba di China (*cf* Polo, 1993; Morgan, 1996; Reid ed., 2010; Hendriks, 2011; dan Toynbee, 2017).

Namun, kini kajian tentang kemunculan Marco Polo di China sudah dipertikaian dan dianggap tidak benar oleh seorang sejarawan, dengan alasan-alasan yang begitu kritis dan berasas. Sejarawan itu ialah Frances Wood (1995), yang mempersoalkan kebenaran fakta keberadaan Marco Polo di China dalam buku beliau yang bertajuk *Did Marco Polo Go to China?* Frances Wood (1995) mengatakan bahawa tiada bukti kukuh tentang kedatangan atau pengembaraan

Marco Polo ke China; dan kenyataannya tiba ke negara itu adalah palsu. Beliau mengemukakan beberapa bukti kukuh tentang pemalsuan kenyataan yang dibuat oleh Marco Polo berhubung dengan lawatannya ke China (Wood, 1995).

Antaranya, menurut Frances Wood (1995), tiada satu rekod China pun yang mencatatkan tentang kedatangan Marco Polo ke negara tersebut, atau beliau pernah menjadi tetamu Kublai Khan sepanjang ketibaannya. Jika beliau pernah menghadap Maharaja China, sudah tentu, ia dicatatkan dalam rekod China. Pertemuan itu penting dan sudah sewajarnya penulis-penulis istana mencatatkannya. Akan tetapi perkara ini tidak berlaku. Ini membuktikan bahawa Marco Polo tidak pernah berkunjung ke China, apatah lagi bertemu dengan Kublai Khan (Wood, 1995; Noor, 2002:65; and Haw, 2006).

Menurut Frances Wood (1995) lagi, Marco Polo juga gagal membuat laporan berkenaan budaya makan rakyat di China dengan menggunakan *candas* (penyepit), ataupun minum teh sebagai minuman kegemaran orang China. Ia sepatutnya ditemui atau boleh dilihat sendiri oleh Marco Polo sepanjang beliau berada di sana. Lagi pun budaya menggunakan *candas* dan minum teh itu memang suatu kebiasaan dan begitu popular dalam kalangan masyarakat China (Polo, 1993; dan Wood, 1995).

Selain itu, Marco Polo (1993) juga tidak langsung membuat suatu catatan berkenaan sahabat-sahabat atau sesiapa yang pernah ditemui sepanjang pelayarannya ke negara China. Dalam pada itu, beliau juga gagal merekodkan Tembok Besar China, yang menjadi simbol atau mercu tanda bagi negara

China dan kebanggaan rakyat China. Manakala itu, dari sudut geografi China yang dipaparkan oleh Marco Polo, dikatakan kurang tepat dan salah. Begitu juga banyak maklumat-maklumat yang dibuat, terutamanya tentang pengalaman daripada peristiwa-peristiwa tertentu, hanya berlaku selepas ketiadaannya. Dengan yang demikian, menurut Frances Wood (1995), kunjungan Marco Polo kurang menyakinkan (Polo, 1993; dan Wood, 1995).

Biarpun mendapat kritikan hebat terhadap lawatan Marco Polo ke China yang dianggap palsu, namun masih terdapat kelompok yang mempertahankan kebenaran kunjungan Marco Polo ke China. Dalam hubungan budaya, masyarakat China makan dengan menggunakan *candas* dan minum teh, yang tidak terdapat dalam catatan Marco Polo (1993), golongan penyokong tersebut mengatakan bahawa Marco Polo ketika itu berada dalam tahanan istana kerajaan Mongol dan tidak berkesempatan melihat tradisi orang China makan menggunakan *candas* dan menikmati minuman teh kegemaran mereka. Jadi, beliau banyak bergantung pada kuasa daya ingatannya. Mereka juga beranggapan bahawa Marco Polo sekadar membuat kesalahan yang terlalu kecil dan dari segi ketepatan fakta pada waktu tersebut pula tidak mempunyai kepentingan yang ketara sebagaimana hari ini (*cf* Polo, 1993; Wood, 1995; Morgan, 1996; Reid ed., 2010; dan Hendriks, 2011).

Dalam isu Tembok Besar China, penyokong kedatangan Marco Polo ke China menegaskan bahawa tembok tersebut pada abad ke-13 Masihi masih diperbuat keseluruhannya daripada tanah dan kurang meninggalkan kesan

binaan seperti yang ada pada hari ini. Oleh itu, Marco Polo (1993) tidak dapat merekodkan perkara tersebut. Sungguhpun masih tiada jawapan yang pasti tentang perkara berkenaan, namun beberapa percubaan untuk menilai semula kerasionalan perjalanan Marco Polo ke China masih lagi gagal (Polo, 1993; Wood, 1995; Morgan, 1996; Reid ed., 2010; dan Hendriks, 2011).

Sejarawan masih lagi menunggu sekiranya ada bukti-bukti atau maklumat lain yang terkini bagi membolehkan isu pengembaraan Marco Polo (1993) itu dibuat pemeriksaan dan penyelidikan teliti serta diperbaiki semula (Polo, 1993; Wood, 1995; dan Noor, 2002:66). Sebab itulah, E.H. Carr (1984) mengatakan bahawa fakta sejarah bukanlah sesuatu yang mati atau statik, tetapi ia boleh berubah apabila adanya penemuan fakta-fakta baru, yang boleh menafikan fakta-fakta terdahulu (Carr, 1984). Apa yang jelas daripada pertikaian tentang perjalanan Marco Polo (1993) ke China itu, sama ada disedari atau tidak oleh pengkaji-pengkaji Barat kontemporari, telah mengguna-pakai pemikiran kritis dan analitikal *pensejarahan* daripada Ibn Khaldun (1993).

Pemikiran Analitikal dan Kritis Sumber Pensejarahan. Selain pemikiran analitikal dan kritis yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (1993) terhadap kandungan *pensejarahan* atau historiografi, para sejarawan juga harus mempunyai sifat kritis ke atas sumber sejarah atau maklumat sejarah. Kebenaran dan kemunasabahannya mesti dipastikan dan diamati secara tuntas, sama ada ia sesuai atau tidak sebagaimana ia ditulis dan diceritakan. Ahli sejarah tidak boleh semudahnya menerima dan mempercayai

sebarang maklumat atau sumber sejarah. Ia mesti bersifat kritis dan berhati-hati, kerana ditakuti sumber itu tidak benar dan ia secara langsung mempengaruhi keutuhan fakta dalam sejarah yang ditulis (Wafi, 1985; Khaldun, 1993; Simon, 2002; Rosen, 2006; dan Kasdi, 2014).

Sebagaimana pendapat Ibn Khaldun (1993) bahawa sesuatu yang tidak benar daripada sumber sejarah, lazimnya akan mempengaruhi keterangan atau penulisan sejarah. Kepalsuan tidak akan dapat dielak apabila ahli sejarah terlalu bergantung kepada maklumat yang diceritakan oleh seseorang tukang cerita (Khaldun, 1993:lxxvi). Oleh itu, adalah menjadi tugas ahli sejarah mempamerkan sifat kritis ke atas mana-mana maklumat yang diperolehi.

Dalam konteks ini, boleh dilihat bagaimana Jabatan Muzium-muzium Brunei Darussalam pernah mengalami dua jenis pemalsuan sumber sejarah, khususnya dalam bidang antikuiti. Ia melibatkan dua kes yang masing-masing terjadi pada 1992, yang melibatkan Patung Kucing Emas; dan kes kedua pada 2003, yang melibatkan Mahkota dan dipercayai kepunyaan kerabat Diraja Brunei, yang telah ditembakkan ke laut sekitar Pulau Cermin pada akhir kurun ke-17 Masihi (JPS Brunei, 1993; dan Osman, 2006).¹

Kedua-dua kes tersebut melibatkan penipuan antikuiti terhadap alat perhiasan dan kebesaran Diraja Brunei, yang dianggap telah hilang sekitar 300 tahun yang lalu. Kedua-duanya dikatakan telah ditemui orang yang menemui, atau tuannya berhajat hendak menyerahkan balik kepada kerajaan Brunei (Osman,

¹ Lihat, contohnya, "Alat-alat Kebesaran Diraja". Wujud dalam online di: <http://www.adat-istiadat.gov.bn/SitePages/Alat-Alat%20Kebesaran%20Diraja.aspx> [diakses di Bandung, Indonesia: 16 September 2017].

2006). Bagaimanapun, dalam artikel ini, hanya akan membicarakan tentang kes Patung Kucing Emas.

Patung Kucing Emas merupakan alat perhiasan dan alat kebesaran Diraja Brunei. Ia dikatakan telah dihadiahkan oleh Maharaja Yung Lo dari China kepada Sultan Brunei, Sultan Majid Hassan (1402-1408 Masihi), semasa baginda mengadakan lawatan ke China pada tahun 1408 Masihi. Cenderamata itu berserta dengan hadiah-hadiah yang lain adalah sebagai penghargaan maharaja atas kesudian baginda dan rombongan berkunjung ke China, serta mengakui kebesaran dan kedaulatan negara berkenaan. Kucing Emas sebagai salah satu alat kebesaran yang dihadiahkan memang kurang jelas dalam sumber China (JPS Brunei, 1993).

Perkara yang jelas dicatatkan hanya pemberian pelbagai jenis hadiah setelah selesai majlis menghadap pada 1408 Masihi, yang dikatakan terdiri daripada pakaian dan barang-barang perhiasan. Pada masa yang lain, baginda dan rombongan juga dihadiahkan pelbagai alat perhiasan, perabot, dan binatang, seperti sebuah kerusi, barang-barang perak, payung, kiap, kuda dan lapik duduknya yang bertatah emas, serta sepuluh pasang pakaian daripada sutera. Oleh sebab maklumat itu samar-samar, maka ia hanya boleh diandaikan bahawa ada kemungkinan di antara barang-barang yang dihadiahkan, termasuklah juga Kucing Emas dan Tongkat Ajai, yang menjadi alat perhiasan dan alat kebesaran Diraja Brunei sehingga kini (JPS Brunei, 1993; dan Osman, 2006).

Kehilangan satu lagi Patung Kucing Emas telah menimbulkan pelbagai persoalan. Apakah wujud dua Patung

Kucing Emas, sepertimana Patung Singa Emas di Melaka? Mengapa salah satu daripadanya telah hilang? Atau mungkinkah ia telah disembunyikan? Bagi pihak-pihak yang berkepentingan dan mempunyai agenda tersembunyi, ia merupakan satu kesempatan dan peluang yang terbuka bagi mengaut keuntungan kewangan.

Berita penemuan Patung Kucing Emas tersebut telah sampai ke telinga pegawai-pegawai Jabatan Muzium Brunei pada 5 November 1992. Berita itu dibawa oleh salah seorang kakitangan jabatan, dengan menunjukkan beberapa keping gambar Patung Kucing Emas berkenaan, berserta dengan salinan negatifnya sekali. Ia dikatakan telah ditemui di Kampong Pandam, Limbang, Sarawak oleh salah seorang penduduk kampung. Ekoran dari berita tersebut, ia telah menarik minat Jabatan Muzium-muzium Brunei; lantas satu rombongan telah dihantar ke kampung berkenaan. Dengan bantuan daripada Ketua Kampong Pandam, akhirnya pihak Muzium telah berjaya bersua muka dengan pemilik atau penemu Patung Kucing Emas, dan seterusnya melihat sendiri bahan tersebut (Osman, 2006).

Rombongan Muzium meminta keizinan daripada pemiliknya untuk membawa Patung Kucing Emas ke Brunei, dengan tujuan untuk diadakan penyelidikan lanjut bagi memastikan ketulinannya. Ini ada relevansinya dengan pemikiran Ibn Khaldun (1993) bahawa maklumat atau sumber sejarah harus diteliti dengan berhati-hati. Bagaimanapun, permintaan itu ditolak oleh pemiliknya, kerana Patung Kucing Emas tersebut dikatakan bernilai B\$ 500,000.00 (lima ratus ribu Dollar

Brunei). Jika ia hendak dibawa juga mestilah ditemani oleh pemiliknya, ketua kampung, dan seorang pengiring. Pemiliknya ingin menyerahkan sendiri kepada pihak atasan Brunei. Permintaan itu diperkenankan, tapi bukan terus kepada pihak atasan, melainkan kepada Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil al-Sufri. Hal ini memang selaras dengan bidang tugas dan kuasa Yang Berhormat Pehin, yang berkaitan dengan sejarah negara Brunei Darussalam (Osman, 2006).

Menurut pemilik Patung Kucing Emas, ia telah ditemui di kebun beliau setelah mendapat alamat melalui mimpi. Beliau telah menggali sedalam dua hingga tiga kaki untuk mendapatkan Patung Kucing Emas tersebut. Apabila pemilik itu mengatakan bahawa ia mendapat alamat dari mimpi, maka sebagai ahli sejarah perlu berhati-hati dan berfikir secara kritis. Persoalannya, apa hubungannya antara Patung Kucing Emas dengan mimpi? Pemilik Patung Kucing Emas percaya bahawa barangan itu adalah milik kerajaan Brunei, yang dikatakan telah hilang. Menurutnyalah, Patung Kucing telah mendapat liputan yang meluas dan mendapat tawaran lumayan dari orang-orang tertentu. Salah seorang daripadanya ialah jutawan bangsa China dari Sibu, Sarawak, yang bersedia untuk membeli dengan harga RMS 350,000.00 (tiga ratus lima puluh ribu Ringgit Malaysia Sarawak). Untuk membuktikan tawaran itu bukan main-main, pemilik menunjukkan surat berkenaan sebagai bukti. Namun, tawaran itu terpaksa ditolak kerana, kononnya, pemilik

tersebut masih berpegang kepada kepercayaan bahawa ia adalah milik kerajaan Brunei Darussalam, sehingga ia mesti dikembalikan ke Brunei, bukan kepada orang lain (Osman, 2006).

Sebelum keputusan muktamad, sama ada mahu membeli atau tidak Patung Kucing Emas itu, perlu dikaji dari segi keasliannya. Cuma sehari diizinkan oleh pemiliknya untuk kajian tersebut, ia dilakukan di rumah Yang Berhormat Pehin. Kajian dibahagikan kepada tiga aspek, iaitu: kajian secara pengamatan atau kemunasabahannya; secara saintifik; dan tapak di mana ia ditemui (Osman, 2006).

Hasil kajian pengamatan menunjukkan bahawa Patung Kucing Emas itu bukanlah pasangan kepada Patung Kucing Emas yang menjadi alat perhiasan dan kebesaran Diraja yang ada pada masa ini. Bentuknya jauh berbeza, baik dari segi ukuran atau saiz fizikal. Manakala dari segi saintifik, bahan buatannya juga tidak sama. Kalau benar ia adalah Patung Kucing Emas yang hilang, ia mestilah sama dari segi bentuk dan bahan buatannya. Di samping itu, tapak yang dikatakan tempat penemuan Kucing Emas juga tiada menunjukkan adanya bekas penggalian di kebun berkenaan. Sebaliknya, di tempat dimana Patung Kucing Emas itu ditemui, keadaan tanah tidak berubah, bahkan didapati banyak tumbuhan liar yang hidup subur. Jika ada kesan penggalian, sudah tentu terdapat kerosakan pada tumbuh-tumbuhan berkenaan (Osman, 2006).

Lagipun jika berlaku aktiviti penggalian, tidak mungkin tumbuh-tumbuhan dapat tumbuh dengan baik dalam masa yang singkat atau satu bulan. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa Patung Kucing Emas tersebut adalah

palsu; pemilikinya cuba mengambil kesempatan dari cerita kehilangan pasangan Patung Kucing Emas, yang ada pada masa kini. Ia juga mungkin satu sindiket yang terancang. Kalau Patung Kucing Emas itu sudah tidak benar, apatah lagi surat tawaran dari jutawan Sibu, Sarawak, juga tidak boleh dipercayai (Osman, 2006).

Jadi, sebagaimana pandangan Ibn Khaldun (1993), ahli sejarah wajar bersifat kritis terhadap sumber dan maklumat sejarah; dan itu memang tidak boleh diketepikan. Dalam kes Patung Kucing Emas, jika tidak wujud sifat kritis dengan melihat kemunasabahannya, negara Brunei Darussalam tidak hanya rugi dari segi kewangan, tetapi juga ia akan memiliki sumber sejarah yang palsu dan boleh menjejaskan kewibawaan kajian, andai kata ada kajian-kajian ke atas sejarah alat-alat perhiasan dan kebesaran Diraja Brunei Darussalam (JPS Brunei, 1993; dan Osman, 2006).

Lain pula halnya dalam kes *Buku Harian* Adolf Hitler, kerana kurang teliti dan berhati-hati dalam menilai serta memutuskan ketulinannya, maruah seorang sarjana terkenal boleh dikatakan tercemar (Kristanti, 2015; dan Nilsson, 2016). Profesor Hugh Trevor-Roper (1947) boleh dikatakan terlalu menggaragag semasa mengambil keputusan dalam menentukan keaslian *Buku Harian* tersebut. Beliau tidak mengamalkan interdisplin dengan meminta bantuan dari pakar lain dalam menentukan ketulinan *Buku Harian* tersebut (Trevor-Roper, 1947; Kristanti, 2015; dan Nilsson, 2016).

Hal itu berlaku pada awal tahun 1983, apabila *Stern*, sebuah majalah di Jerman, telah memberigakan bahawa sebanyak 62 jilid *Buku Harian*

Adolf Hitler telah ditemui oleh Gerd Heidemann, seorang wartawan. Buku itu dikatakan mempunyai tulisan tangan Adolf Hitler sendiri dan mengandungi catatan dari 1933 hingga 1945 Masihi, tempoh masa Adolf Hitler menyandang jawatan Canselor Jerman. Menurut Gerd Heidemann, penemuan *Buku Harian* Adolf Hitler itu adalah hasil unguayahnya menghubungi bekas seorang pemimpin NAZI (*National Sozialistische*). Pemimpin itu mempunyai maklumat berkenaan kehilangan dokumen-dokumen NAZI dan kertas peribadi Adolf Hitler yang telah diterbangkan sejurus sebelum markas Adolf Hitler di Berlin dikuasai oleh tentera Berikat pada bulan April 1945. Kapal terbang yang membawa dokumen telah terhempas di Jerman Timur. Bagaimanapun, menurut Gerd Heidemann, dokumen-dokumen Adolf Hitler itu telah diselamatkan oleh seorang pemimpin NAZI, sehingga ia dapat dihubungi dan dipujuk untuk menyerahkannya kepada Gerd Heidemann (Suntharalingam, 1985:39; Kristanti, 2015; dan Nilsson, 2016).

Majalah *Stern* dilaporkan telah membayar sebanyak 9,000,000 Mark Jerman, atau lebih-kurang 8.33 juta Ringgit Malaysia, untuk membeli dan menerbitkan *Buku Harian* Adolf Hitler. Tindakan majalah itu mengambil keputusan terlalu terburu-buru, tanpa memastikan ketulinan buku tersebut yang telah mengejutkan ramai orang. Ujian hanya dilakukan apabila *Sunday Times*, sebuah akhbar mingguan di London, telah membeli hak untuk menerbitkan *Buku Harian* Adolf Hitler. Akhbar itu telah meminta Profesor Hugh Trevor-Roper, bekas Profesor Diraja di Universiti Oxford dan juga pengarah

Sunday Times, untuk menjalankan ujian bagi mengenalpasti keaslian *Buku Harian Adolf Hitler*. Dari laporan akhbar, Hugh Trevor-Roper cuma mengambil masa beberapa jam dalam menjalankan ujiannya dan lalu mengumumkan bahawa *Buku Harian Adolf Hitler* itu adalah asli (dalam Suntharalingam, 1985:40; Kristanti, 2015; dan Nilsson, 2016).

Apabila majalah *Stern* dan akhbar *Sunday Times* telah memulakan penerbitan *Buku Hairan Adolf Hitler* pada 24 April 1983, ramai wartawan dan sejarawan mengemukakan bantahan dan mendesak pihak pengurusan majalah *Stern* untuk mengizinkan pakar-pakar dari arkib bagi melakukan ujian yang lebih teliti. Akhirnya, majalah *Stern* akur dengan desakan itu dan pakar-pakar dari Arkib Persekutuan Jerman Barat di Coblenz, yang menjalankan ujian kimia ke atas dakwat, kertas, dan bahan penjilidan dan pelekatnya, atau *gam*, telah mendapati bahawa *Buku Harian Adolf Hitler* itu adalah palsu. Bahan penjilidan yang digunakan itu terdiri dari benang-benang *polyester*, yang tidak pernah digunakan di era Adolf Hitler; begitu juga bahan pelekatnya hanya mula digunakan selepas kematian Adolf Hitler. Dengan terbongkarnya pemalsuan itu, maka pihak majalah *Stern* dan akhbar *Sunday Times* telah menarik balik rancangan menerbitkan buku tersebut. Sementara itu, Hugh Trevor-Roper telah mengakui kesilapan dan memohon maaf (dalam Suntharalingam, 1985:39; Kristanti, 2015; dan Nilsson, 2016).

Jelaslah bahawa sifat berhati-hati terhadap sumber yang diperolehi, yang disarankan oleh Ibn Khaldun (1993), memang boleh diguna-pakai hingga kini. Kalau di zaman beliau, sumber-

sumber sejarah sukar untuk dipastikan keasliannya dengan menggunakan teknologi canggih; maka di zaman moden kini, kerja-kerja pemalsuan sumber-sumber sejarah apa juga jenis dan bentuk memang berleluasa, kerana didorong oleh keuntungan material. Sumber-sumber itu memang mempunyai harga dan permintaan yang tinggi dalam pasaran, terutama di kalangan peminat-peminat, yang sebahagiannya terdiri dari para jutawan. Oleh itulah, ahli sejarah tidak boleh mengharap kepakarannya semata-mata, maka bidang-bidang lain juga tidak boleh diketepikan agar keaslian sesuatu sumber dapat dikenal pasti dan tidak menimbulkan keraguan (Wafi, 1985; Kartodirdjo, 1992; dan Khaldun, 1993).

Begitu juga dalam mendapatkan sumber lisan atau temubual, ahli sejarah perlu bersifat kritis dan berhati-hati dengan latar belakang saksi atau informan agar fakta yang diperolehi menepati dengan kehendak pengkajian sejarah. Perkara ini juga pernah disuarakan oleh Louis Gottschalk (2008), dengan mengatakan bahawa memang ada “saksi-saksi yang berkepentingan”, seperti pegawai-pegawai penerangan kepada sebuah jabatan kerajaan, syarikat, badan-badan perniagaan, jurucakap kepada sesebuah parti politik, pertubuhan sukarela, atau badan-badan ugama (Gottschalk, 2008). Keterangan yang diperolehi dari sumber seumpama itu seharusnya ditafsirkan dengan lebih kritis dan berhati-hati, oleh kerana kecenderungan mereka untuk mempertahankan pihak yang mereka wakili memang sukar untuk dinafikan (*cf* Samsuddin, 2007; Gottschalk, 2008; dan Berahim, Ibrahim & Hamzah, 2009:379).

KESIMPULAN ²

Sungguhpun pemikiran *pensejarahan* atau historiografi Ibn Khaldun telah wujud sejak abad ke-14 Masihi lagi, namun pandangan beliau boleh dianggap *avant grade*. Idea *pensejarahan* beliau yang didasari dengan penekanan perlunya ahli sejarah bersifat analitikal dan kritis, baik terhadap kandungan penulisan sejarah ataupun sumber sejarah. R.G. Collingwood (1985) mengatakan bahawa pemikiran seperti itu memenuhi ciri-ciri kaedah penulisan saintifik dalam *pensejarahan*. Sejarah yang lari daripada unsur-unsur kritis dianggap sebagai *pensejarahan* deskriptif, kerana sejarah kritis adalah sejarah yang mencari kebenaran dengan menganalisis sebab-musabab sesuatu peristiwa itu berlaku.

Sejarawan juga perlu mengutamakan penulisan yang seimbang dan tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak, supaya penulisan sejarahnya mengandungi kejujuran dan mengarah kepada kebenaran sebagai yang dikehendaki dalam etika *pensejarahan*. Menurut Ibn Khaldun (1993) lagi, pemahaman ke atas sejarah itu penting agar masyarakat manusia boleh mengambil iktibar dan dapat menghindarkan melakukan kesilapan di masa depan. Meluaskan ruang lingkup *pensejarahan* merupakan lagi salah

satu gagasan pemikiran Ibn Khaldun, yang mana beliau berpendapat bahawa ruang lingkup pengajian sejarah bukan hanya menumpukan kepada golongan berpengaruh dan peristiwa-peristiwa besar, tetapi juga perlu melibatkan golongan bawahan.

Dengan yang demikian, sama ada disadari atau tidak, aliran pemikiran *pensejarahan* Ibn Khaldun telah digunapakai dan diakui oleh para sejarawan kontemporari. Pemikiran sejarah Ibn Khaldun boleh dikatakan telah mendahului pemikiran sejarawan dunia tersohor kini, sama ada di Barat mahupun di alam Melayu, seperti: Charles de Secondat Montesquieu & Jean-Jacques Rousseau (1955); Raja Ali al-Haji (1982); E.H. Carr (1984); R.G. Collingwood (1985); Sartono Kartodirdjo (1990 dan 1990); Niccolo Machiavelli (1991); Leopold van Ranke (2010); serta HAMKA atau Haji Abdul Malik Karim Amrullah (2016).³

Referensi

- Abidin, Azmil bin Zainal. (2009). "Kajian Kemasyarakatan dan Ketamadunan (Ilmu 'Umran') Menurut Perspektif Usuluddin: Tumpuan Analitis terhadap *Muqaddimah* Ibn Khaldun" dalam *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya dalam Tamadun Konlemporari*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban UM [Universiti Malaya].
- Ahmad, Ibrahim. (2017). "Lanun Alam Melayu Sekadar Helah Penjajah". Wujud dalam online di: <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017> [diakses di Bandung, Indonesia: 16hb September 2017].


³**Kenyataan:** Kami, dengan ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah dapatan pemikiran dan kajian kami secara persendirian, ianya bukan hasil plagiat, memandangkan semua sumber rujukan yang kami petik dalam analisis dan perbincangan adalah wujud secara penuh dan betul dalam senarai Referensi. Kami juga menyatakan bahawa artikel ini belum pernah dihantar, diwasit, dan diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik yang lain.

²**Sebuah Rakaman:** Artikel ini, sebelum dikemaskini dalam bentuknya sekarang, pernah diterbitkan sebagai bagian bab dalam buku *Pensejarahan Brunei: Islam dan Evolusi Sosial* (Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2017), yang ditulis oleh pengarang pertama. Pengarang pertama merakamkan berbilang terima kasih kepada pengarang kedua, Andi Suwirta, M.Hum., seorang Pensyarah Kanan di Departemen Pendidikan Sejarah UPI (Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, yang mahukan mengedit-semak semula dan mengemas kini artikel berkenaan untuk diterbitkan dalam sebuah jurnal akademik di Indonesia. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini tidak ada kena-mengena dengan sesiapa pun juga, tetapi ianya kekal menjadi tanggung jawab akademik pengarang pertama dan pengarang kedua.

- “Alat-alat Kebesaran Diraja”. Wujud dalam online di: <http://www.adat-istiadat.gov.bn/SitePages/Alat-Alat%20Kebesaran%20Diraja.aspx> [diakses di Bandung, Indonesia: 16 September 2017].
- al-Haji, Raja Ali. (1982). *The Precious Gift: Tuhfat al-Nafis*. London: Oxford University Press, translated and edited by Virginia Matheson Hooker, Virginia Matheson & Barbara Watson Andaya.
- Al-Mas’udi. (t.th.). *Muruj az-Zahab wa Ma’adin al-Jawahir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil. (1989). *Penyair Diraja Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil. (1992). *Likelihood Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Andaya, Barbara W. & Leonard Y. Andaya. (1982). *A History of Malaysia*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Aziz, H. Mohd Syarif. (2005). *Islam Bukan Agama Keganasan*. Kuala Lumpur: Darul Nu’man.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2013). “Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906 – 1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam” dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.1(2), September, ms.113-124.
- Baki, Aminuddin & Paul Chang. (1959). “Laporan Penyata Pelajaran Negeri Brunei”. *Bahan Tidak Diterbitkan*. Brunei: 21 September.
- Berahim, Ahmad Zaki, Ibrahim & Norhayati Haji Hamzah. (2009). “Pemikiran Perpindahan Pimpinan dan Tamadun dalam Peradaban Manusia Menurut Ibn Khaldun: Satu Analisis Penilaian” dalam *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban UM [Universiti Malaya].
- Besar, Haji Mail bin. (2008). “Gerakan Kristianisasi di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Negara Brunei Darussalam”. *Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM [Universiti Malaya]. Wujud secara online juga di: http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI [diakses di Bandung, Indonesia: 17hb Ogos 2017].
- Carr, E.H. (1984). *Apakah Sejarah?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collingwood, R.G. (1985). *Idea Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- Creswell, John W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. London: SAGE Publications.
- Denemark, R.A. (2005). “Epistemology of World System History: Long-Term Processes and Cycles” in *EOLSS: Encyclopedia of Life Support Systems*. Available online also at: <http://www.eolss.net/sample-chapters/c04/e6-94-04.pdf> [accessed in Bandung, Indonesia: September 16, 2017].
- Denzin, N.K. & Y.S. Lincoln. (1994). *Hand Book of Qualitative Research*. USA [United States of America]: Sage Production, Inc.
- Emerson, Rupert. (1974). *Malaysia: Satu Pengkajian Pemerintahan secara Langsung dan Tidak Langsung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gottschalk, Louis. (2008). *Mengerti Sejarah*. Jakarta: Penerbit UI [Universitas Indonesia] Press, terjemahan Nugroho Notosusanto.
- HAMKA [Haji Abdul Malik Karim Amrullah]. (2016). *Sejarah Umat Islam: Pra-Kenabian hingga Islam di Nusantara*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Haw, Stephen G. (2006). *Marco Polo’s China: A Venetian in the Realm of Kublai Khan*. London & New York: Routledge.
- Hendriks, Cor. (2011). “Marco Polo and His Travels”. Available online at: <http://robscholtemuseum.nl/wp-content/uploads/2017/10/Marco-Polo-and-His-Travels.pdf> [accessed in Bandung, Indonesia: September 16, 2017].
- Hitti, Philip K. (1985). *History of the Arabs*. London: Macmillan Education Ltd.
- Ibrahim, Muhd Yusof. (1997). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Muhd Yusof & Mahayudin Haji Yahya. (1988). *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JPS [Jabatan Pusat Sejarah] Brunei. (1993). *Alat Kebesaran Diraja*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Kartodirdjo, Sartono. (1990). *Pemikiran dan Perkembangan Historiografi Indonesia: Suatu Alternatif*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kartodirdjo, Sartono. (1992). *Pendekatan Ilmu-ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kasdi, Abdurrahman. (2014). “Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Perspektif Sosiologi dan Filsafat Sejarah” dalam *Fikrah*, Vol.2, No.1 [Juni]. Wujud dalam online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/61754-ID-pemikiran-ibnu-khaldun> [diakses di Bandung, Indonesia: 17hb Ogos 2017].
- Khaldun, Ibn. (1993). *Muqaddimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kristanti, Elin Yunita. (2015). “22-4-1983: Skandal

- Memalukan Buku Harian Hitler”. Wujud dalam online di: <http://global.liputan6.com/read/2217948/22-4-1983-skandal-memalukan-buku-harian-hitler> [diakses di Bandung, Indonesia: 21 April 2017].
- Lewis, Bernard *et al.* (1971). *The Encyclopedia of Islam*, Volume VIII. Leiden: E.J. Brill.
- Machiavelli, Niccolo. (1991). *Sang Penguasa: Surat Seorang Negarawan kepada Pemimpin Republik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, terjemahan dan kata pengantar oleh M. Sastrapratedja & Frans M. Parera.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2011). “Di Balik Tersurat, Apa Tersirat: Pentafsiran Sejarah Alam Melayu Menurut Hamka”. *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Seminar Nusantara Buya Hamka, Anjuran Institut ATMA [Alam dan Tamadun Melayu] di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 8-9 Disember.
- McAmis, Robert Day. (2002). *Malay Muslims: The History and Challenge of Resurgent Islam in Southeast Asia*. UK [United Kingdom]: Wm. B. Eerdmans Publishing Co. Available online also at: <http://ktp.isam.org.tr/pdficn/142290ic.pdf> [accessed in Bandung, Indonesia: September 16, 2017].
- Mohammad, Ali. (2005). “Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad ke-17 M”. Wujud dalam online di: http://umepublication.um.edu.my/filebank/published_article/2945 [diakses di Bandung, Indonesia: 16hb September 2017].
- Montesquieu, Charles de Secondat & Jean-Jacques Rousseau. (1955). *The Spirit of Laws*. London: Encyclopædia Britannica.
- Morgan, D.O. (1996). “Marco Polo in China or Not” in *The Journal of the Royal Asiatic Society*, Volume 6(2), July, pp.221-225.
- Nicholl, Robert (2002). *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*. Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei, Special Publications No.9.
- Nilsson, Mikael. (2016). “Hugh Trevor-Roper and the English Editions of Hitler’s *Table Talk and Testament*” in *JCH: Journal of Contemporary History*, Vol.51(4), pp.788-812. Available online also at: <http://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0022009415619689> [accessed in Bandung, Indonesia: September 16, 2017].
- Noor, Arbaiyah Mohd. (2002). *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, Pengiran Dr. Karim Pengiran Haji. (2006). “Artifek Tiruan: Satu Penipuan dalam Arkeologi” dalam *Berita Muzium*, Isu September – Disember, ms.5-10.
- Polo, Marco. (1993). *The Travels of Marco Polo*, 2 Volumes. New York: Dover, Translation and the Complete Yule-Cordier Edition.
- Rahman, Haji Abdul Karim bin Haji Abdul. (2016). “Sejarah Pengasasan dan Asal-Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan”. *Tesis Doktor Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial UM [Universiti Malaya]. Wujud secara online juga di: http://studentsrepo.um.edu.my/6454/1/HAJI_ABDUL_KARIM [diakses di Bandung, Indonesia: 16hb September 2017].
- Ranke, Leopold van. (2010). *The Theory and Practice of History*. London: Routledge, edited with an introduction by Georg G. Iggers.
- Reid, Anthony [ed]. (2010). *Sumatera Tempo Doeloe: Dari Marco Polo sampai Tan Malaka*. Jakarta: Komunitas Bambu, Terjemahan.
- Rosen, Lawrence. (2006). “Theorizing from Within: Ibn Khaldun and His Political Culture” in *Contemporary Sociology*, 34(6), pp.596-599.
- Said, Sanib. (1994). “Perang Kastila T.M. 1578: Satu Penelitian Semula” dalam *Brunei di Tengah-tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Shboul, Ahmad A.M. (1979). *Al-Mas’udi and His World*. London: Ithaca Press.
- Simon, Róbert. (2002). *Ibn Khaldūn: History as Science and the Patrimonial Empire*. Budapest: Akadémiai Kiadó, translated by Klára Pogátsa, original edition in 1999.
- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Suntharalingam, R. (1985). *Pengenaian kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Maricar & Sons.
- Suntharalingam, R. (1987). *Pensejarahan Barat*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Swettenham, Frank Athelstane. (1967). *Stories and Sketches*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sya’wat, Ibrahim Ali. (2007). *Kesalahan-kesalahan terhadap Fakta-fakta Sejarah yang Perlu Diperbetulkan Semula*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Teggart, F.J. (1960). *Theory and Processes of History*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- Toynbee, Arnold J. (2017). *A Study Of History: Buku Babon Studi Sejarah*. Jakarta: IndoLiterasi, Terjemahan.
- Trevor-Roper, Hugh. (1947). *The Last Days of Hitler*. New York: The Macmillan Company. Available online also at: <https://archive.org/details/TrevorRoperHughTheLastDaysOfHitler> [accessed in Bandung, Indonesia: April 21, 2017].
- Usman, Suparman. (2011). “Islam di Spanyol: Asal-Usul, Perkembangan, dan Kehancuran”. Wujud dalam online di: <https://damzone89.wordpress.com/2011/07/30/islam-di-spanyol> [diakses di

- Bandung, Indonesia: 17hb Ogos 2017].
- Wafi, Ali Abdul Wahid. (1985). *Ibnu Khaldun: Riwayat dan Karyanya*. Jakarta: PT Grafitipers.
- Watt, W. Montgomery. (1990). *Kejayaan Islam: Kajian Kritis dari Tokoh Orientalis*. Yogyakarta: Tiara Wacana, Terjemahan.
- Wood, Frances. (1995). *Did Marco Polo Go to China?* London: Secker & Warburg.
- Zallum, Abdul Qadim. (2002). *Sistem Pemerintahan Islam*. Bangil: Al-Izzah, terjemahan oleh M.W. Maghfur.



Muqaddimah Karya Ibn Khaldun

(Sumber: <http://wisatabuku.com>, 16/9/2017).

Muqaddimah ialah hasil tulisan Ibn Khaldun, semasa memencilkan diri di sebuah daerah luar bandar yang bernama Qal'at Ibn Salma di Algeria. Dalam karya tersebut mengandungi enam bab. Bab pertama membicarakan tentang masyarakat manusia secara umum. Bab kedua berkenaan dengan masyarakat Badwi atau masyarakat primitif; manakala bab ketiga menghuraikan tentang pemerintahan raja-raja dan khalifah. Perbincangan mengenai masyarakat bandar atau kelompok masyarakat maju ditulis dalam bab keempat; dan bab kelima pula perbincangan mengenai kerjaya dan kehidupan manusia seharian yang turut dihubungkan dengan aspek ekonomi. Bab keenam dan terakhir menghuraikan berkenaan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Setiap bab yang dibicarakan didahului dengan pengenalan dan diikuti dengan tajuk-tajuk kecil, atau juga dikatakan sebagai *fasal*.